

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA)**

**Kelonggaran Pendekatan Jaminan Kualiti Bagi Program yang Ditawarkan
di Premis/Kampus *Offshore* oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)
Berstatus Swaakreditasi**

[Surat Makluman MQA Bil. 11/2025 bertarikh 21 Julai 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. Berdasarkan syarat umum perakuan status swaakreditasi, status ini tidak terpakai ke atas program yang ditawarkan di luar negara. Oleh itu, PPT berstatus swaakreditasi adalah tertakluk kepada ketetapan dalam Surat MQA Bil. 5/2018 - Status dan Kriteria Premis PPT serta Pendekatan Proses Jaminan Kualiti Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA), yang menetapkan keperluan untuk mengemukakan permohonan penilaian akreditasi bagi program yang ditawarkan di premis/kampus *offshore*.
- ii. Takrifan premis/kampus *offshore* ialah kampus di luar negara yang beroperasi sebagai institusi penuh tanpa kuasa penganugerahan kelayakan.
- iii. Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 3/2024 bertarikh 4 November 2024 telah bersetuju memberikan kelonggaran kepada PPT berstatus swaakreditasi untuk melaksanakan pendekatan jaminan kualiti kendiri ke atas program yang ditawarkan di premis/kampus *offshore*, kecuali bagi program yang dikawal selia oleh badan profesional.
- iv. Kelonggaran ini tidak mengecualikan PPT memenuhi peraturan dan keperluan jaminan kualiti yang ditetapkan oleh badan jaminan kualiti negara terbabit.
- v. PPT perlu melaksanakan penilaian lokasi dan akreditasi kendiri mengikut ketetapan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan MQA. Hasil penilaian yang dikenadalian di premis/kampus offshore perlu dikemukakan kepada JPT dan MQA bagi tujuan rekod.
- vi. Surat pemakluman berkaitan seperti yang diterangkan di atas boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- vii. Berdasarkan kelonggaran yang diberikan, CQA telah menetapkan bahawa sebarang cadangan penawaran program akademik secara luar pesisir (*offshore*) perlu melalui proses Audit Lokasi secara fizikal.
- viii. CQA juga telah membangunkan dokumen Panduan Pelaksanaan Audit Lokasi bagi Program Akademik Secara Pesisir (PSWA03). Panduan ini memberi pemahaman dan panduan kepada pemilik program berkaitan prosedur dan proses pelaksanaan audit,

bermula dari perancangan awal hingga kepada perakuan laporan penilaian yang menentukan kesesuaian lokasi program.

- ix. Panduan ini turut dirangka selaras dengan Surat MQA Bil. 5/2018 bertarikh 22 Jun 2018 dan Surat Maklumat JPT bertarikh 13 Februari 2019 bagi memastikan pematuhan kepada ketetapan semasa oleh JPT dan MQA.
- x. Pelaksanaan Audit Lokasi bagi Program Akademik Secara Pesisir (PSWA03) boleh dimuat turun melalui Portal ISO di bawah Swaalreditasi (Pengurusan Kualiti Akademik) >> Audit Program (COPPA).

Disediakan oleh:

Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
4 September 2025